

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT
(MERBOK)**

**TARIKH : 25 OKT 2016
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah kekuatan anggota ATM dalam memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi apa-apa jua jenis ancaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan dan kedaulatan Negara. Tahap kesiapsiagaan sistem pertahanan negara yang menjurus kepada kekuatan anggota dan keupayaan ATM sentiasa diberikan fokus dan keutamaan yang tinggi agar apa jua jenis ancaman dan pencerobohan terhadap kedaulatan negara dapat diatasi dengan sebaik mungkin.

Pertahanan dan keselamatan negara seperti yang digariskan dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) bukan hanya bersandar kepada keupayaan dan kesiapsiagaan Angkatan Tentera sahaja, tetapi ia turut melibatkan pembabitian secara menyeluruh dan bersepadu, pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat keseluruhannya.

Pada masa ini, kesiapsiagaan sistem pertahanan negara yang melibatkan keanggotaan dan kelengkapan ATM berada di tahap yang tinggi serta berupaya untuk menentukan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.